

**TEKS UCAPAN**

**NAIB CANSOLOR UiTM**

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR**

**DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**SIDANG PERTAMA (PAGI)**

**ISTIADAT KONVOKESYEN KE-96**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**20 MEI 2023 | SABTU**

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR**

**UiTM SHAH ALAM**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Mengadap

**Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor,  
Tengku Permaisuri Norashikin**

**Ampun Tuanku beribu ampun**

**Sembah patik mohon diampun**

Alhamdulillah, patik merafak sembah, menjunjung kasih, atas limpah perkenan Duli Tuanku, berangkat ke Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA, kali ke-96 pada pagi ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku amat bermakna buat patik sekalian, dan suasana dalam istiadat pada hari ini begitu gemilang, berkat keberangkatan dan kedaulatan Duli Tuanku.

**Ampun Tuanku,**

Patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan tetamu kehormat serta hadirin sekalian.

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zarinah Anwar**

Pro-Canselor

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Barisan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Eksekutif, Pengurusan Kanan, semua alumni UiTM, warga universiti, ibu bapa, penjaga dan yang diraikan para graduan sekalian.

1. Saya juga mengalu-alukan kehadiran jemputan khas, seramai **18** orang alumni UiTM dari tahun 1990-an hingga tahun 2020 pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen kali ini.

2. Selamat datang juga saya ucapkan kepada ahli keluarga para graduan ke Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

**Hadirin sekalian,**

3. Bersempena dengan Istiadat Konvokesyen ke-96 ini, UiTM mencatat sejarah sekali lagi apabila **24,713** graduan akan menerima diploma, ijazah sarjana muda dan pasca ijazah dalam pelbagai bidang.

4. Pada hari ini kita akan meraikan seramai **138** graduan Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Kepakaran Perubatan (Klinikal) dari pelbagai fakulti yang berjaya menamatkan pengajian.

5. Justeru itu, setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan, atas kejayaan dan pencapaian dalam bidang masing-masing sepanjang pengajian di UiTM.

6. Sekalung tahniah kepada ibu bapa, keluarga dan barisan pensyarah yang telah menjadi tulang belakang kepada usaha para graduan memperoleh kejayaan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Universiti ini telah bertapak sejak **tahun 1956** dan berperanan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat bertujuan mempertingkatkan keilmuan, kepakaran dan ekonomi bumiputera dalam semua bidang.

8. Justeru itu, UiTM memegang tanggungjawab yang besar untuk terus mampan dan kekal relevan dalam pembangunan kapasiti dan keupayaan generasi Bumiputera pada masa hadapan. Mereka daripada kumpulan yang sedikit tercabar dalam aspek kewangan khususnya, mampu mengubah persepsi dan keluar dari zon selesa untuk mencipta nama bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa.

9. Oleh itu, UiTM bergerak dengan membina kemahiran dan mengasah jati diri dari peringkat asas, seterusnya menyediakan rangkaian atau peluang bagi mentransformasikan minda menjadi **MINDA KELAS PERTAMA** atau **SUPER GRADUATE** sebagai persediaan untuk ke peringkat global.

10. Melalui transformasi UiTM ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia, pelbagai program telah mula dilaksanakan pada tahun lepas melalui tema **Kompetensi Global**. Ia bagi memastikan staf dan pelajar dilengkapi dengan kemahiran dan persediaan untuk membina keberanian di peringkat global demi mewujudkan ekosistem yang kemudiannya akan memberi manfaat kepada graduan.

11. UiTM telah menghantar lebih kurang **200 orang staf** akademik dan pentadbiran ke luar negara untuk menghadiri lawatan ke universiti, persidangan, serta pameran. Oleh itu, pada tahun ini, kita mensasarkan untuk menerima jemputan dan menerima delegasi dari luar negara.

**Para hadirin yang dihormati,**

12. Tema Transformasi Universiti pada tahun ini ialah **Kebolehpasaran Global** dengan **enam fokus utama** yang diberikan perhatian oleh pihak Universiti.

13. Antaranya, **yang pertama**, UiTM akan memperkasakan kebolehpasaran warga UiTM ke peringkat global bagi memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran tempatan, malah mampu berkhidmat di peringkat antarabangsa dan kembali menyumbang kepada masyarakat dan negara tercinta.

14. Sehubungan itu, UiTM perlu **melonjakkan kebolehpasaran pelajar di peringkat dunia** dengan melahirkan pelajar serba lengkap dengan '**smart and sharp skills**' menerusi pembangunan sahsiah.



15. Para pelajar diberikan peluang meningkatkan tahap kemahiran mereka dengan mengikuti pelbagai program anjuran Universiti seperti **Projek 5G Ericsson Digital Skills Program** dan **Program Metaverse Extended Reality** yang menekankan penggunaan *Artificial Intelligence, Big Data* dan *Robotics*.

16. **Fokus yang kedua** ialah UiTM akan memperkasakan **Polisi Pengajian Inklusif**. Polisi ini telah dilaksanakan semenjak 2021 untuk Pelajar Berkeperluan Khas dan Kurang Terwakili yang merangkumi beberapa kumpulan khas bagi melebar akses dan menyokong prinsip kesaksamaan dalam pendidikan tinggi.

17. Mereka antaranya terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya, atlet, orang asli atau pribumi, suri rumah tangga, ibu atau ayah tunggal yang menyara anak, pesakit kronik dan banyak lagi. Ini kerana, mereka yang berkeperluan khusus dan kurang terwakili juga mampu menjadi bakat unggul dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan sektor kreatif.

18. **Fokus yang ketiga** adalah **Peningkatan kebolehpasaran staf bukan akademik** di peringkat dunia dengan memastikan setiap pencapaian berdasarkan inovasi dan kreativiti yang lebih diiktiraf. Ini berikutan '*mega trend*' dunia sedang menjurus kepada tiga perubahan utama iaitu *High Arts*, *High Tech*, dan *High Touch*.

19. Setiap warga perlu mempunyai pemikiran yang kritis, mampu bekerja secara kolaboratif, dan berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global tanpa mengira skop atau jenis pekerjaan. Mereka inilah yang mendokong dan menyokong kelancaran operasi universiti.

20. Tumpuan juga diberikan kepada **staf akademik** dengan memastikan bidang kepakaran yang dimiliki dapat direpresentasikan melalui pengajaran, hasil penyelidikan dan penerbitan. Sehingga kini, UiTM mempunyai seramai **186 profesor** yang merupakan barisan pemikir dan penyelidik. Selain itu, UiTM turut mempunyai lebih **300 profesor** yang telah tamat perkhidmatan atau bersara. Justeru, satu inisiatif inklusiviti akan diperkenalkan sedikit masa lagi untuk mengembelengkan tenaga pakar yang telah bersara dan masih sihat serta masih berminat untuk terus memainkan peranan mereka dalam menggerakkan minda melalui transformasi ilmu.

21. UiTM begitu menggalakkan program berbentuk

latihan kepada semua staf demi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan membolehkan mereka melaksanakan tugas bertaraf global.

22. Aktiviti yang disasarkan melalui penglibatan staf akademik di peringkat antarabangsa adalah sebagai penceramah jemputan, penghasilan penerbitan, kolaborasi penyelidikan, atau perjanjian kesefahaman terutamanya dari **300 universiti terbaik dunia** atau **syarikat Fortune 2000**.

23. Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak **724** ikatan perjanjian antara universiti dengan industri di luar negara melalui beberapa Perjanjian Antarabangsa, antaranya Surat Hasrat dari **University of Auckland** bersama **UiTM Cawangan Terengganu** dan Memorandum Persefahaman dari **Universitas Jenderal Achmad Yani, Indonesia** bersama **Fakulti Perubatan**.

24. Selain itu, UiTM juga telah mengukuhkan kerjasama

dengan rakan industri dari syarikat multinasional. **Lebih daripada 20 usaha sama rakan strategik** telah terjalin, antaranya ialah **Syarikat McDonald, Nestle, FamilyMart dan Malaysia Airlines Berhad.**

25. Perkembangan sihat ini memaparkan kesungguhan UiTM untuk menjaring kolaborasi dengan rakan akademik dan industri dari dalam dan luar negara yang semestinya mampu melonjakkan prestasi dan kredibiliti UiTM ke arah mencapai status GRU2025.

26. Sebagai institusi yang melahirkan modal insan terbesar di Malaysia, universiti turut memelihara jaringan industri dan komuniti dengan mewujudkan kolaborasi menerusi pelbagai program seperti *'mentorship'*, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial. Antaranya, aktiviti mobiliti ke Mauritius bersama pelajar iaitu **Program UiTM Global Volunteering: Mauritius Youth and Community Development** oleh **Briged Sukarelawan UiTM dan UiTM Global.**

27. Sehubungan itu, aktiviti penyelidikan juga dipergiatkan merentasi pelbagai bidang yang memberikan manfaatkannya kepada UiTM, industri dan masyarakat. Sehingga tahun ini, UiTM memperoleh sebanyak lebih **RM78 juta** geran penyelidikan merangkumi tiga kategori iaitu geran antarabangsa sebanyak **RM6.2 juta**, geran kebangsaan sebanyak **RM40 juta**, geran industri sebanyak **RM32 juta**. Alhamdulillah.

28. Tidak ketinggalan, pelbagai aktiviti berbentuk pendekatan *Service-Learning* bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa turut dilaksanakan. Antaranya ialah aktiviti yang dijalankan oleh Fakulti Undang-undang dengan kerjasama **Greenpeace Southeast Asia** menerusi webinar turut menampilkan penceramah jemputan dari **Universitas Trisakti, Indonesia** dan **Majlis Bandaraya Shah Alam**.  
**Hadirin sekalian,**

29. Sudah pastinya, perhatian tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik semata-mata. Dalam usaha melancarkan pembelajaran, UiTM juga menyediakan pelbagai fleksibiliti serta kemudahan bagi membantu menangani cabaran teknologi, sosioekonomi mahupun emosi.

30. Melalui Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), program kebajikan diteruskan dalam membantu pelajar dari pelbagai sudut seperti motivasi dan kaunseling, pemberian wang saku, dan bantuan alat pembelajaran, khususnya kepada pelajar yang memerlukan.

31. Sehingga tahun lepas, lebih **RM6 juta** telah diusahakan oleh ZAWAF dan sebanyak **RM5 juta**

endowment dan **lebih daripada RM327 ribu** dana yang berjaya dikumpulkan di bawah **Projek Tabung RM5 Alumni Prihatin**. Inisiatif Pejabat Timbalan Naib Canselor ICAN ini melibatkan kerjasama antara warga UiTM dan badan-badan bukan kerajaan untuk menyalurkan pelbagai bantuan kepada golongan sasaran.

### **Graduan yang dikasihi sekalian,**

32. Anda merupakan pemangkin transformasi peradaban bangsa kita. Kejayaan para graduan ini turut mencerminkan perjalanan dinamik UiTM yang menggalas tanggungjawab besar untuk merubah sosioekonomi masyarakat yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

33. Genggaman ijazah yang ada harus digunakan untuk terus menjadi manusia berguna yang dapat berbakti kepada ibu bapa, keluarga, agama, bangsa dan negara.



34. Para graduan perlu memastikan kualiti bakat mereka dikembangkan seiring dengan kemahiran, pengetahuan dan pemikiran bertaraf global. UiTM amat mengharapkan kredibiliti graduan sekalian untuk mendepani masyarakat dengan membawa nama baik universiti ini. Jadilah insan yang sentiasa amanah memakmurkan bumi untuk kebajikan alam sejagat dan mampu mendepani cabaran baharu.

35. Kepada para penyelia, saya mengucapkan terima kasih kerana telah berusaha mendapatkan geran penyelidikan yang menjadi pemangkin kepada pencapaian para graduan PhD dan Sarjana pada hari ini. Tidak ketinggalan juga, terima kasih kepada penaja atas bantuan kewangan dan pembiayaan untuk penyelidikan pelajar.

36. Akhir kata, sekali lagi, syabas dan tahniah diucapkan kepada ibu bapa dan penjaga serta semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian.

**Ampun Tuanku,**

Demikian sahaja sembah ucapan patik. Patik serta warga UiTM sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku berangkat ke Istiadat Konvokesyen UiTM ke-96. Patik mohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan.

Patik dan sekalian warga UiTM sentiasa berdoa agar Duli Tuanku, sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT jua.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun; Sembah patik mohon diampun.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Menjunjung kasih Tuanku.**